

# Sidek jelas pentingnya dipergiat seni silat

Pencak Silat

KEJAYAAN untuk menjadikan seni silat diterima di arena antarabangsa dan dapat dijadikan sebagai salah satu sukan olahraga sedunia akan bergantung kepada orang-orang yang bergiat dalam seni itu.

15 MAR 1981

Menegaskan demikian, Encik Sidek Saniff menambah bahawa mereka perlu menjawai seni silat dan betapa ia perlu diselaraskan dengan kehendak-kehendak yang telah sebat dengan perkembangan masyarakat kita dari zaman dulu hingga sekarang.

Berucap merasmikan pesta dagang Persekutuan Silat Singapura (Persisi), di kawasan lapang di kawasan perusahaan Eunos, Jumaat malam, Setiausaha Parlimen (Perhubungan dan Kebudayaan) itu, juga menekankan bahawa pengorbanan besar dari segi

usaha dan kebendaan perlu bagi mencapai matlamat itu.

Encik Sidek menarik perhatian bahawa perkara itu perlu disedari sekiranya masyarakat Melayu benar-benar mencintai seni tersebut, apatah lagi memandangkan hakikat bahawa pada suatu masa nanti akan bertambah bilangan mereka yang bukan Melayu mempelajari seni ini.

Berita Minggu

## Rasa gembira

"Di waktu itu khususnya, keperibadian manusia yang mengembangkan seni ini adalah di antara ukurarta terpenting penerimaan dan kemajuannya," katanya.

Sekiranya terdapat sesuatu yang menjelekkan, satu kejegjutan akan berlaku yang mana keadaan ini mungkin akan membantunkan usaha itu.

Terdahulu dari itu Encik Sidek melahirkan rasa gembira bahawa Majlis Silat Negara

akan dibentuk di Malaysia dan ini berbahawa Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang penubuhannya didokong Singapura, Malaysia dan Indonesia akan dapat menyegerakan kegiatan-kegiatan dengan lebih rapi lagi.

Dengan itu usaha dan tenaga dapat ditumpukan kepada perkembangan silat rancangan ini khasnya dan di arena antarabangsa amnya.

Persilat berhasrat untuk menimba memupuk warisan suci supaya silat dapat dipelajari oleh semua lapisan masyarakat dan selain dari menjadi seni mempertahankan diri ia akan dapat diterima sebagai olahraga dan disertakan dalam pertandingan Sukan Asia Tenggara.

Lebih dari 40 buah gerai terdapat dalam eksposisi ini yang akan berjalan hingga A depan dan Persisi berharap akan mempunyai kurang dari \$30,000 bagi mengisi kegiatannya.

## Empat peraduan utk meriahkan ekspo

22 MAR 1981

EMPAT jenis peraduan akan dijalankan serentak pada 7 April ini, bagi memeriahkan lagi Eksposisi Perdagangan anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang sedang berlangsung sekarang di sebuah kawasan lapang dekat Sims Avenue.

Peraduan yang telah dirancang oleh pihak penganggar itu terdiri dari peraduan adubakat, bina badan, kugiran dan ratu baju kurung.

Seorang jurucakap penganggar memberitahu bahawa keempat-empat jenis peraduan yang diadakan ini diharap akan menerima sambutan baik dari orang ramai yang datang mengunjungi pesta dagang ini.

Borang-borang untuk menyertai acara-acara tersebut boleh didapat dari sekarang dari pejabat Eksposi di situ dari 6.00 petang hingga 11.00 malam.

Semua keterangan lanjut mengenai penyertaan akan diperolehi dari tempat yang sama.

## Seruan agar dipergiat bukukan sejarah silat

Pencak Silat

PERSEKUTUAN Silat Antarabangsa (Persilat) diharap dapat bergerak dengan lebih giat lagi dalam usaha membukukan sejarah silat tiga negara, berikut dengan penubuhan Majlis Silat Negara di Malaysia.

Semenjak ditubuhkan pada Mac tahun lalu di Jakarta, Persilat yang dianggotai oleh Indonesia, Singapura dan Malaysia tidak dapat berjalan dengan baik dalam melaksanakan projek-projek yang telah diatur kerana Malaysia tidak mempunyai sebuah badan induk bagi menyelaras kegiatan seni itu di sana.

Tetapi bulan lalu, Majlis Silat Negara telah dibentuk oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia sebagai penyelaras kegiatan seni silat di negara itu.

"Dengan penubuhan badan penyelaras itu, kami berharap kini Persilat akan dapat bergerak dengan lebih baik lagi dan projek yang telah dirancang akan dapat dijalankan dengan lebih licin," kata Encik Johari H.M. Uriff, salah seorang anggota Dewan Presidium Persilat.

## Mencapai

Encik Johari, yang juga Setiausaha Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi) menjelaskan projek yang telah diberikan keutamaan untuk dilancarkan oleh Persilat. Ketika pembentukannya ialah menyelaraskan undang-undang silat olahraga yang akan menjadi panduan kepada kerabat dan badan-badan bukan kerabat.

Satu lagi projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan dengan segera ialah membukukan sejarah silat tiga negara.

"Sejauh ini projek itu belum dapat berjalan dengan baik dan projek yang sepatutnya selesai pada tahun ini, mungkin tidak dapat disiapkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan," katanya lagi.

Buku itu bakal mengandungi sejarah yang lengkap mengenai asal-usul dan perkembangan silat di ketiga-tiga buah negara. Besar kemungkinan sejarah silat di Brunei akan turut dimasukkan.

Ia akan dilengkapi dengan gambar raja dan penerangan-penerangan mengenai jurus, bunga-bunga silat dan sebagainya.

Buku itu juga diharapkan menjadi bahan rujuu-